

SOALAN-SOALAN LISAN

PERSIDANGAN KEDUA MESYUARAT KEDUA TAHUN KELIMA DEWAN NEGERI YANG KEEMPAT BELAS PERAK DARUL RIDZUAN PADA HARI SELASA, 19 JULAI 2022

1. **YB ENCIK YAHAYA BIN MAT NOR (PASIR PANJANG)**

Penyediaan SOP Perlombongan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) Negeri Perak adalah usaha penting kerajaan dalam memastikan pelaksanaan aktiviti perlombongan NR-REE diusahakan secara bertanggung jawab dan mampan.

- a. Apakah status terkini tapak Projek Perintis NR-REE di Mukim Kenering?
- b. Apakah langkah kerajaan dalam memastikan pelaburan pengeluaran dan pembangunan industri hiliran berasaskan bahan mineral memberi manfaat sepenuhnya kepada anak tempatan?
- c. Berikan statistik sumbangan mineral lain yang ada di negeri ini kepada KDNK negeri pada sejak 3 tahun kebelakangan ini?

2. **YB ENCIK MOHD ZAIDI BIN AZIZ (SLIM)**

Bagaimana dengan status murid yang masih belum menguasai 3M, pasca covid-19. Ramai ibubapa yang gusar dengan tahap pembelajaran murid sekolah rendah yang masih belum boleh membaca, menulis dan mengira dengan baik. Bolehkah diberikan perincian tentang jumlah murid yang masih gagal menguasai 3M di Muallim dan apakah langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah ini?

3. **YB ENCIK MOHAMAD ZURAIMI BIN RAZALI (MANONG)**

Setelah Melalui Fasa Pandemik, Negara kita telah masuk Ke fasa Endemik yang membolehkan penganjuran program dan acara sukan berskala besar.

- a) Apakah Penganjuran acara sukan yang telah dan akan dilaksanakan di Negeri Perak?
- b) Sejauh mana impak keberkesanan terutama aspek ekonomi dan sosial hasil daripada penganjuran acara sukan?
- c) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat dan mempunyai perancangan bagi penganjuran Kejohanan Sukan bertaraf Antarabangsa?

4. **YB DR. ABDUL AZIZ BIN BARI (TEBING TINGGI)**

KESIHATAN

Seperti kita sedia maklum, antara kesan pandemik C19 ialah peningkatan kes kesihatan mental di kalangan rakyat terutama kepada ketua Isi Rumah (KIR). Setakat ini sejauh mana khidmat kaunseling melalui Helpline Family Care anjuran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN) mendapat sambutan? Berapakah jumlah Klinik Nur Sejahtera (KNS) LPPKN yang terdapat di negeri Perak?

5. **YB ENCIK KHAIRUDIN BIN ABU HANIPAH (BELANJA)**

Projek Menaik Taraf Jalan Parit Siputeh

- a) Apakah status terkini berkaitan projek menaik taraf Jalan Parit Siputeh?
- b) Bilakah projek tersebut dijangka siap dan adakah terdapat masalah dalam melaksanakan projek tersebut?

6. **YB DATO' DR. MUHAMMAD AMIN BIN ZAKARIA (BATU KURAU)**

Tajuk: Penggunaan Beg Plastik

- i) Sila nyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menjayakan kempen Perak Bebas Beg Plastik dan polistrin.
- ii) Adakah Kerajaan Negeri pernah mengambil tindakan terhadap pengusaha yang memberi beg plastik percuma dan masih menggunakan polistrin?

7. **YB ENCIK SIVASUBRAMANIAM A/L ATHINARAYANAN (BUNTONG)**

Harga Barangan Mentah dan Barang Runcit.

- a) Sila nyatakan tindakan yang diambil bagi mengawal kenaikan harga barangan mentah dan barang runcit di Negeri Perak?
- b) Sila nyatakan jumlah peniaga yang dikenakan tindakan oleh Kerajaan bagi menaikkan harga tanpa kebenaran yang sah di Negeri Perak bagi tahun 2021 dan 2022?
- c) Apakah Kerajaan Negeri Perak mempunyai cadangan bagi mengawal harga barangan makanan dengan pemberian subsidi kepada peniaga-peniaga di negeri Perak?

8. YB DR JURIJ BIN JALALUDIN (LUBOK MERBAU)

Program Bumi Hijau Tahun 2020 Kerajaan Negeri Perak memperuntukkan RM0.79 juta menyediakan Kit Pakej Bumi Hijau kepada 11081 isi rumah untuk menanam sayuran dan buahan di halaman rumah.

- a. Nyatakan pencapaian program ini mengikut daerah-daerah.
- b. Adakah program seumpama ini akan diteruskan.
- c. Adakah program ini dikembangkan dari isi rumah ke program Bumi Hijau peringkat Komuniti

9. YB CIK JENNY CHOY TSI JEN (CANNING)

Seringkali berlaku banjir kilat di kawasan DUN Canning.

(a) Apakah usaha/rancangan jangka panjang atau pendek untuk menyelesaikan masalah banjir bagi menangani isu di kawasan DUN Canning terutama kawasan berisiko tinggi, termasuk Taman Cempaka dan Taman Canning.

(b) Fenomena banjir yang menjejaskan penduduk dalam daerah kita. Adakah pihak kerajaan negeri telah mengkaji secara spesifik punca sebenar bencana banjir di daerah kita?

10. YB DATO' MOHD. TARMIZI BIN HAJI IDRIS (KENERING)

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) di fahamkan telah meluluskan peruntukan bina jalan FELDA Tawai – RPS Dala, Hulu Perak sejauh 17 km dan Kampung Bawong - Pos Piah, Kuala Kangsar ke RPS Kemar, Hulu Perak sejauh 60 km.

a) Bilakah kerja-kerja perlaksanaan kepada projek hendak di lakukan?

11. YB ENCIK SIVANESAN A/L ACHALINGAM (SUNGKAI)

Soalan kepada YAB Menteri Besar.

Banjir di Kg Poh dan Pekan Bidor pada 25.5.2022

Hujan lebat yang turun pada 25.5.2022 telah mengakibatkan kerosakkan kepada rumah, Surau, Masjid, Sekolah dan Kedai-kedai di sekeliling bandar Bidor termasuk Kampung Poh. Ini adalah kali pertama dalam sejarah Bidor, warga Bidor dan Penduduk Kg Poh diancam dengan banjir begini.

Soalan.

- i. Apakah punca banjir ini dan senaraikan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri supaya perkara seperti ini tidak berulang?
- ii. Apakah jenis bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada mangsa-mangsa banjir ini?
- iii. Berapakah anggaran kerosakkan kepada harta benda warga Bidor akibat banjir ini?

12. YB ENCIK CHAW KAM FOON (MENGLEMBU)

Tempat pembuangan sampah Pasar Awam Menglembu.

1) Apakah cadangan / tindakan kerajaan bagi menyelesaikan masalah sampah yang terlalu banyak dan tong roro cepat penuh di tempat pembuangan sampah pasar awam menglembu?

2) Apakah tindakan kerajaan bagi menyelesaikan masalah mendapan tanah yang telah wujud lama di tempat letak tong roro di Pasar Awam Menglembu?

3) Apakah rancangan kerajaan bagi membangunkan pasar awam di Impiana Adril Menglembu yang telah terbengkalai lama?

13. YB ENCIK HASNUL ZULKARNAIN BIN ABD MUNAIM (TITI SERONG)

Pada Februari 2022, Adun Titi Serong bersama dengan YB Exco Alam Sekitar Negeri Perak telah mengadakan lawatan dan tinjauan di kawasan Tanjong Piandang berkaitan dengan perusahaan akuakultur kolam udang dan ikan di situ. Lanjutan daripada lawatan tersebut, undang-undang atau syarat-syarat baharu akan dikuatkuasakan kepada pengusaha kolam sedia ada dan pengusaha baharu. Cadangan tersebut telah dipersetujui hasil daripada perbincangan bersama dengan pihak Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perikanan, Majlis Daerah Kerian dan Pejabat Daerah & Tanah Kerian.

i) Apakah syarat-syarat baharu yang telah ditetapkan? Mohon diperincikan.

ii) Bilakah tarikh / masa pelaksanaan syarat-syarat tersebut? Mohon diperincikan

14. YB DR KO CHUNG SEN (KEPAYANG)

Daripada Keayang

Tajuk: Impak Inflasi

a. Apakah rancangan pihak kerajaan dalam membantu meringgankan beban kehidupan keluarga B40 dan M40?

b. Adakah kerajaan negeri merancang untuk memperkenalkan program/skim sarapan percuma sekolah khas untuk anak-anak keluarga B40 bagi meringgankan beban keluarganya?

c. Adakah kerajaan negeri merancang untuk menambahkan jumlah penerima Kad Prihatin Perak bagi keluarga B40?

15. YB CIK JENNY CHOY TSI JEN (CANNING)

Isu kenaikan harga barang menjadi hangat sejak kebelakangan ini memandangkan ianya berada di paras yang sangat membimbangkan.

(a) Apakah langkah-langkah kawalan yang dirangka oleh Kerajaan Negeri bagi membantu golongan yang terkesan terutama golongan B40 dan M40 di negeri ini?

16. YB DR MUHD FADHIL BIN NURUDDIN (KAMUNTING)

Berapakah jumlah veteran tentera yang berpencen dan tidak berpencen di negeri Perak?

1. Berapakah jumlah veteran tentera yang berpencen dan tidak berpencen di Perak yang mendapat tanah kurnia daripada kerajaan negeri?
2. Apakah iniatif jangkamasa pendek dan panjang kerajaan untuk membantu veteran tentera?

17. YB DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN AZUMU (CHENDERIANG)

YAB Menteri Besar di dalam Ucapan Penggulangan Belanjawan 2022 memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri pada ketika ini sedang memperhalusi kebolehlaksanaan projek kenderaan elektrik di Pulau Pangkor. Walau bagaimanapun, sehingga kini status perlaksanaan projek tersebut masih didapati tidak berjalan dan penanguhan pelaksanaan ini dikhuatiri akan menyebabkan kos pelaksanaan meningkat.

- (i) Adakah projek ini masih diteruskan?
- (ii) Sekiranya ya, apakah pelan tempoh pelaksanaannya?

18. YB ENCIK LEOW THYE YIH (POKOK ASSAM)

Soalan mengenai isu inflasi Negeri Perak

(a) Berapakah indeks inflasi di Negeri Perak untuk 6 bulan terkini pada tahun 2022?

(b) Apakah tindakan yang dilakukan oleh kerajaan Negeri Perak dalam mengawal kadar inflasi?

(c) Apakah strategi kerajaan Negeri Perak dalam membendung peningkatan kadar inflasi?

19. YB CIK NG SHY CHING (TEJA)

Penglibatan wanita dalam sektor ekonomi Perak

a) Sila nyatakan jumlah penduduk wanita di Negeri Perak dalam lingkungan umur bekerja yang berada di luar pasaran tenaga kerja bagi tempoh tahun 2018-2021.

b) Sila nyatakan Kadar Pernyertaan Tenaga Buruh (KPTB) bagi golongan wanita di Perak bagi tempoh tahun 2018-2021.

c) Sila senaraikan purata perolehan pendapatan bagi golongan wanita dan lelaki di Perak bagi tempoh tahun 2018-2021

20. YB DATUK MASLIN SHAM BIN RAZMAN (BUKIT CHANDAN)

Di Dun Bukit Chandan terdapat rancangan untuk mewujudkan 3 rancangan kampung tersusun yang baru. Apakah ada peruntukan yang khas bagi menyediakan kemudahan infrastruktur asas bagi rancangan tersebut?

21. YB PUAN SALBIAH BINTI MOHAMED (TEMENGOR)

Rizab Padang ragut diwujudkan bagi mengoptimumkan penggunaan tanah kerajaan dan secara langsung dapat meningkatkan pengeluaran daging selain mengurangkan kebergantungan import makanan.

a) Apakah tindakan atau perancangan kerajaan negeri dalam menangani kawasan rizab Padang ragut terbiar dan tidak di upayakan sepenuhnya.

b) Adakah kerajaan negeri berhasrat membangunkan kawasan rizab padang ragut bersama pemain-pemain baharu termasuk menarik minat golongan muda menceburi bidang perternakan. Apakah program penganjuran bersama Yayasan Bina Upaya dan Kerajaan Negeri atau GLC kerajaan negeri seperti SADC dan sebagainya? Sila senaraikan program-program bagi tahun 2020-2022?

22. YB ENCIK ONG BOON PIOW (BERCHAM)

Isu pengurusan kebersihan MBI

i. Sila jelaskan pengiraan kos dibayar oleh MBI kepada kontraktor lori pengutip sampah mengikut rumah, kedai dan kilang?

ii. Sila jelaskan mengapa hingga hari ini cara mengutip sampah dan dilonggok ke satu tempat oleh kontraktor, dan tempat kediaman dan komersial masih tidak diwajibkan guna tong sampah hingga bungkusan sampah diletak atau digantung dengan cara elok?

iii. Sila jelaskan adakah bilangan pekerja pembersihan MBI yang sedia ada mengikut zon-zon, adalah mencukupi untuk menampung dan menguruskan kebersihan jalan, sampah haram dan sebagainya?

23. YB DATO' HAJI ZAINUN BIN HAJI MAT NOOR (CHENDEROH)

Pada 1 November 2021 YAB MB telah mengadakan lawatan bagi kewujudan RPT Kg Ngor Mukim Chegar Galah sempena Lawatan MESRA YAB MB Perak. Status tapak RPT tersebut merupakan tanah kerajaan seluas 1.718 hektar yang mampu menyediakan 26 buah tapak lot kediaman.

Apakah status permohonan bagi kewujudan RPT Kg Ngor Mukim Chegar Galah setakat ini?

24. YB ENCIK CHAW KAM FOON (MENGLEMBU)

Gelandangan.

- 1) Apakah tindakan kerajaan negeri bagi menyelesaikan masalah gelandangan yang mana bilangannya semakin ramai dari masa ke semasa?
- 2) Sila nyatakan pusat-pusat yang digunapakai yang berada di daerah kita bagi menempatkan gelandangan yang tidak mempunyai keluarga serta tempat tinggal?
- 3) Sila nyatakan apakah syarat yang diperlukan serta prosedur bagi menempatkan gelandangan di dalam pusat-pusat tanggungan kerajaan?

25. YB ENCIK SIVASUBRAMANIAM A/L ATHINARAYANAN (BUNTONG)

Bayaran Bagi Memasuki Kawasan Bukit Kledang

- a) Sila nyatakan keluasan asal Hutan Simpan Kledang Saiong dan siapa yang bertanggungjawab mencadangkan permit / bayaran masuk kepada pendaki Bukit Kledang?
- b) Sila nyatakan apakah cadangan ini telah dibincangkan dan mendapat kebenaran dari Kerajaan Negeri Perak?
- c) Apakah Kerajaan akan melaksanakan cadangan ini di masa akan datang?

26. YB DATO' HJ. SAMSUDIN BIN ABU HASSAN (AYER KUNING)

Apakah peranan penting agensi kerajaan seperti yayasan Perak, SADC, MB inc, Maju Perak dan PKNP dalam membantu ke arah menjalankan prinsip ini

27. YB DATO' HAJI ASMUNI AWI (MANJOI)

Klinik Kesihatan di DUN Manjoi.

- (a). Apakah status terkini pembinaan Klinik Kesihatan Manjoi? Apa yang dapat dilihat pembinaan projek ini tidak berjalan seperti yang dijadualkan. Bolehkah ianya disiapkan seperti yang dijadualkan semula iaitu menjelang bulan September 2023? Jika sebaliknya, apakah halangan yang dihadapi oleh projek ini yang menyebabkan kelewatan penyiapannya?
- (b). Memandangkan jumlah penduduk yang begitu padat di sekitar kawasan Klebang yang melibatkan Taman Klebang Jaya, Klebang Prima, Klebang Restu, Klebang Putra, Kampung Chepor Dalam, Kampung Seri Klebang, RPT Klebang

Selatan, RPT Chepor dan beberapa kampung lagi, bilakah pihak kerajaan bercadang untuk membina sebuah klinik kesihatan yang baharu bagi menampung keperluan di taman-taman / kampung-kampung tersebut kerana sekarang ini satu-satunya klinik kesihatan yang ada adalah Klinik Kesihatan Chemor di Jalan Tanah Hitam, Chemor?

28. YB DATO' HAJI AZNEL BIN HAJI IBRAHIM (PENGKALAN HULU)

a) Adakah masih terdapat lagi program kerajaan Negeri di bawah PKNP untuk mewujudkan pekan - pekan kecil di dalam kawasan DUN - DUN dalam Negeri Perak?

b) Apakah status pekan kecil baru di dalam kawasan DUN Pengkalan Hulu yang pernah di katakan akan di buat oleh PKNP?

c) Apakah bentuk dan kaedah Tanggungjawab Korporat Sosial (CSR) yang telah di keluarkan oleh PKNP dalam membantu pemaju - pemaju dalam perindustrian di dalam negeri Perak?